

Jenis Akhbar : Berita Harian

Tarikh : 19/09/2018

Edisi / Muka Surat : Nasional /19

Tajuk : MUKMIN50 tawar Khairat Premium

BH Rabu, 19 September 2018

Ms.19

→ JENAMA

[FOTO KHAIRUL AZHAR AHMAD /BH]



Ahmad Saruji, Beng Hock dan Abdul Fattah pada majlis menandatangani perjanjian pelan MUKMIN50 di Kelana Jaya, semalam.

MUKMIN50 tawar Khairat Premium

ANGKASA, redOne sedia pengguna pelan pascabayar perlindungan sehingga RM12,100

Oleh Syanty Octavia Amry
soctavia@nntp.com.my

Kelana Jaya

Dengan hanya membayar sebanyak RM50 sebulan, pengguna pelan pascabayar MUKMIN50 bakal mendapat pelan perlindungan sehingga RM12,100.

Pelan eksklusif yang ditawarkan kepada penjawat awam dan kakitangan badan berkanun itu adalah hasil kerjasama redONE Network Sdn Bhd (redONE) dengan MyAngkasa Amanah Berhad dan MyKhairat Management Ser-

vices Sdn Bhd.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata ia adalah pelan yang kali pertama diperkenalkan di Malaysia.

"Telefon bimbit kini alat telekomunikasi yang menjadi keperluan setiap orang. Pastinya setiap orang mahukan pelan berbaloi di samping penggunaan yang lebih terjamin dan sistematis."

Pelan terbaik

"Pelan ini adalah yang terbaik dan harus dimiliki oleh setiap orang. Apatah lagi dengan hanya mem-

bayar RM50, pengguna turut dapat menikmati Khairat Premium.

"Ia membolehkan pelanggan mendapat perkhidmatan merangkumi pengurusan jenazah bernilai RM200, kemalangan diri (RM10,000) dan infaq (RM100) serta khidmat nasihat harta pusaka secara percuma," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menandatangani perjanjian pelan MUKMIN50 dengan redONE di pejabat ANGKASA di sini, semalam.

Yang hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif MyAngkasa Amanah Berhad, Datuk Ahmad Saruji Abdul Aziz; Ketua Pegawai Jualan redONE, Ben Teh Beng Hock dan Ketua

Pegawai Eksekutif MyKhairat, Mohd Yusni Ismail.

Bayaran menerusi SPGA

Sementara itu, Abdul Fattah berkata, mereka yang mendaftar pelan MUKMIN50 tidak perlu risau masalah terlupa membayar bil kerana bayaran bulanan akan ditolak terus daripada gaji bulanan mereka melalui Sistem Potongan Gaji ANGKASA (SPGA).

"Mereka yang berminat hanya perlu menunjukkan MyKad dan slip gaji terkini ketika membuat pendaftaran di semua kedai premier dan cawangan rasmi redONE," katanya.

Perpustakaan Koperasi Malaysia ANGKASA